

Umno wilayah lantik ahli jawatankuasa baru

BH - 13/5/2006

KUALA LUMPUR: Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan, semalam, mengumumkan perlantikan barisan ahli jawatankuasa baru dengan merangka beberapa strategi baru termasuk memeta pelan induk dasar, struktur organisasi dan halatuju aktiviti.

Antara ahli jawatankuasa baru berkenaan adalah Pengerusinya, Datuk Zulhasnan Rafique yang juga merangkap Ketua Umno Bahagian Setiawangsa; Timbalan Pengerusi, Senator Datuk Kamaruddin Ambok yang juga Ketua Umno Bahagian Segambut dan Bendahari, Datuk Abdul Azim Mohd Zabidi.

Selain itu, Setiausaha pula disandang oleh Senator Datuk Ridzuan Abdul Hamid merangkap Ketua Umno Bahagian Kepong sementara Ketua Penerangan pula disandang oleh Datuk Suhaili Abdul Rahman yang juga Ketua Umno Bahagian Labuan.

Perlantikan jawatankuasa tertinggi pengurusan Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan itu diumumkan sendiri oleh Zulhasnan selepas mengadakan mesyuarat pertama bagi badan itu kira-kira dua jam setengah di Restoran Eden, Jalan Raja Chulan di sini, semalam.

Zulhasnan berkata, pelbagai agen-

da penting direncanakan badan itu dalam jangka masa terdekat iaitu membabitkan kajian sejarah penubuhan Umno Wilayah Persekutuan dan memperkemaskan halatuju berlandaskan slogan 'Bersama, Bersatu dan Berjaya'.

"Kajian ini bertujuan untuk membukukan rentetan sejarah penubuhan Umno Wilayah Persekutuan sejak penubuhan Umno Malaysia yang mana Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada waktu itu menjadi sebahagian daripada negeri Selangor (ibu negeri Selangor).

"Selain itu, satu persidangan dicadang untuk diadakan dalam memeta pelan induk dasar, struktur organisasi, halatuju dan aktiviti Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan. Ia dijadualkan berlangsung selepas tamat kesemua mesyuarat bahagian Umno Wilayah Persekutuan yang dijadualkan pada 3 Ogos hingga 3 September ini iaitu sebelum Perhimpunan Agung Umno November 2006," katanya.

Zulhasnan berkata, antara lain persidangan itu akan menghuraikan halatuju Umno Wilayah Persekutuan dan peranan yang akan dimainkan oleh keempat-empat cabang Umno supaya dapat diselaraskan dengan natijah perjuangan parti.